



# BULETIN PMKu

## POLITEKNIK METRO KUANTAN



### SEDEKAD PMKu BERWAJAH BAHARU

#### MENARIK

**Pelajar Pengurusan Pelancongan (DUP)**  
anjur acara norma baharu untuk kelas *Event Operation and Management*

- 08 Kempen Yakin Vaksin COVID-19
- 09 eSport Tournamant Mobile Legend Virtual Eid PMKu 2021
- 10 Sembang Santai – Virtual Event: Cabaran Norma Baharu
- 19 Webinar New Evolution of Tourist Guiding

**03 Lawatan Pemantauan**  
Pengoperasian dan Kemasukan Pelajar

**06 MPP PMKu cakna**  
Khidmat Bakti Ramadhan  
Program Ihy Ramadhan: Iftar Pelajar Hari Bersama MPP

**12 PMKu berjaya**  
Hadapi Audit Pematuhan ISO 21001: 2018 tanpa NCR

**07 PMKu prihatin**  
Penyampaian Sumbangan Ramadhan  
Program Bantuan Makanan Bantuan Agihan Makanan

# BICARA PENA PENGARAH

## SIDANG REDAKSI

### Penaung

Rosli bin Zainuddin, AMP

### Pengarah PMKu

#### Penasihat 1

Adilen @ Lucia binti Suil

#### Ketua Jabatan Sokongan Akademik PMKu

#### Penasihat 2

Norsidah binti Othman

#### Ketua Unit Instruktional dan Pembelajaran Digital

#### Editor

Effa Izzati binti Mahmun

#### Laporan & Gambar

Wan Mohd Fahmi bin Wan Othman

Noor Syaida binti Abdul Rahman

Haslina binti Ahmad Muzakir

Nik Faradila binti Nik Ismail

Muhamad Asyraf bin Rosli

Nor Akashah binti Kassim

Zarina binti Mokhtaruddin

Farizah binti Mohamad

Nurhidayah binti Hilimi

Surayahanim binti Ali

Juliaawati binti Yunus

Hafizah binti Ismail

Madya bin Murat

Najwa binti Mohamed Azizan

Airin Nur Atiesha binti Mohd Sabri



Hak Cipta Terpelihara © 2022 – Buletin PMKu.  
Sebarang cadangan, rencana, berita atau ulasan  
boleh diajukan kepada:

Unit Penerbitan Buletin PMKu  
Politeknik METR0 Kuantan,  
No. A-5, Jalan Tun Ismail 2,  
Sri Dagangan II  
25000 Kuantan  
Pahang Darul Makmur.  
Tel: +6095659000 Faks: +6095173259



السلام عليكم

Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya tahun 2021 telah berjaya dilalui dengan cemerlang walaupun negara masih berdepan dengan halangan pandemik COVID-19. Mendepani cabaran 2021, warga PMKu berganding bahu mengharungi rintangan, bagi merealisasikan harapan dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) menerusi kaedah dan pematuhan norma baharu. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua warga PMKu. Penghargaan turut diberikan kepada sidang redaksi di atas usaha menerbitkan Buletin PMKu dan diharapkan naskah ini memberi inspirasi dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti untuk masa akan datang.

Buletin PMKu 2021 merupakan satu kompilasi rekod aktiviti yang dijalankan sepanjang 2 semester di Politeknik METR0 Kuantan (PMKu). Penerbitan Edisi 2021 ini mencatatkan warna-warni aktiviti PMKu bermula Disember 2020 sehingga Disember 2021. Penghasilannya adalah inisiatif PMKu untuk menyebarkan maklumat dan berita kepada semua pihak termasuklah industri, institusi dan komuniti.

Sebagai sebuah institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), PMKu komited untuk sentiasa berhubung dan berkolaborasi dengan industri bagi melahirkan graduan yang memenuhi keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh pihak industri. Buletin PMKu merupakan salah satu komunikasi kepada industri tentang persediaan dan proses ke arah melahirkan graduan yang serba boleh. Semoga 10 tahun PMKu terus cemerlang, gemilang dan terbilang. Semoga tahun 2022 di pacu dengan semangat dan iltizam yang tinggi bagi memastikan PMKu sebagai institusi TVET berdasarkan permintaan dan didorong oleh industri sekaligus melahirkan pelajar yang memenuhi keperluan industri.

Salam Hormat dan Selamat Membaca.

**Encik Rosli bin Zainuddin, AMP**

**Pengarah Politeknik METR0 Kuantan (PMKu)**

04  
Disember  
2020

#### Sesi Tazkirah: Kelebihan Zikrullah

PMKu

Program kerohanian PMKu anjuran Kelab Kebajikan Kakitangan PMKu (K3P) telah menjemput Ustaz Hasni bin Hassan bagi berkongsi ilmu tentang Kelebihan Zikrullah. Semoga perkongsian ilmu ini diambil manfaat dan dijadikan amalan dalam kehidupan sehari-hari.



11  
Disember  
2020

#### Kelas Mengaji PMKu

PMKu

Kelas Mengaji PMKu membuka tirai dan akan dijalankan secara berkala mengikut sesi. Objektif program adalah bagi meningkatkan kemahiran dan kelancaran kakitangan PMKu dalam membaca Al-Quran. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk berkongsi pengetahuan hukum tajwid seterusnya meningkatkan kecintaan kepada amalan membaca Al-Quran.



11  
Januari  
2021

#### Kursus Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu

PMKu

Kursus KIK merupakan platform yang sangat penting kepada staf PMKu untuk menggunakan pendekatan baru dan berbeza dalam pelaksanaan sesuatu dasar dan perkhidmatan. Kursus yang disampaikan oleh Puan Norsidah binti Othman ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran seperti kemahiran berfikir secara kreatif, kemahiran mengaplikasi kaedah dan teknik dalam penghasilan projek dan pengetahuan dalam perkaitan perkembangan projek.



16  
Januari  
2021

#### Kursus Latihan Pengendali Makanan

PMKu

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan PMKu membuka tirai 2021 dengan Kursus Latihan Pengendali Makanan siri 1. Kursus ini terbuka kepada komuniti dan organisasi yang berminat. PMKu mempunyai tenaga pengajar yang terlatih untuk mengendalikan kursus ini dan menyediakan tempat pembelajaran yang kondusif untuk para peserta.



02 – 05  
Mac  
2021

#### Minggu Transformasi Siswa

Google Meet

Siswa-siswi baharu PMKu melapor diri pada 2 Mac 2021 dan menjalani program orientasi selama 4 hari. Pelbagai aktiviti dan perkongsian ilmu secara atas talian. Tahniah dan Selamat datang diucapkan kepada para pelajar.



10  
Mac  
2021

#### Sesi Rakaman Video Pembelajaran dan Pengajaran: Demonstrasi Masakan

PMKu

Rakaman video demonstrasi masakan telah dijalankan oleh para pensyarah DHF yang terlibat dengan kelas di dapur masakan bagi Kursus Basic Eastern and Western Cookery dan Kursus Baking and Pastry. Rakaman ini dijalankan sebagai persediaan pembelajaran dan pengajaran di musim Pandemik COVID-19 ini. Tahniah kepada para pensyarah DHF yang komited dan serba boleh.



<b>11 Mac 2021</b>	<b>Lawatan Pemantauan Pengoperasian dan Kemasukan Pelajar Mac bagi Politeknik dan Kolej Komuniti</b> <p>Terima kasih diucapkan kepada Encik Roslee bin Yahya, Pengarah Kanan (Kompetensi) Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Tuan Haji Rosli bin Idris, Pengarah Bahagian Peperiksaan dan Penilaian JPPKK bersama delegasi yang sudi berkunjung ke PMKu. Ketibaan mereka disambut oleh Tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin, barisan pengurusan serta kakitangan PMKu. Lawatan ini bertujuan untuk melihat perancangan dan persiapan pihak PMKu menerima ketibaan pelajar ke kampus. Perbincangan dan cadangan penambahbaikan turut dikemukakan bagi melicinkan urusan dan memastikan keselamatan seluruh warga PMKu dalam situasi pandemic COVID-19 ini.</p>	
<b>16 Mac 2021</b>	<b>Pendaftaran Pelajar untuk Isolasi</b> <p>Proses pendaftaran pelajar untuk isolasi di hotel sekitar PMKu iaitu Hotel Rocana dan Hotel Grand Darul Makmur. Para pelajar telah menjalani proses isolasi selama 10 hari sebelum dibenarkan masuk ke kampus PMKu.</p>	
<b>18 Mac 2021</b>	<b>Disinfeksi secara Nano Mist Fogging oleh COWAY</b> <p>Terima kasih diucapkan kepada pihak COWAY kerana telah melaksanakan proses disinfeksi premis PMKu secara Nano Mist Fogging secara percuma.</p>	
<b>19 Mac 2021</b>	<b>Sesi Perbincangan dan Soal Jawab Pelajar bersama Pengurusan Tertinggi PMKu</b>  <p>Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PMKu telah menganjurkan sesi perbincangan dan soal jawab bersama</p>	
<b>19 Mac 2021</b>	<b>Program Santapan Rohani: Sengsara dalam Nikmat</b>  <p>Program ini merupakan satu inisiatif pengisian aktiviti kepada para pelajar yang sedang berkuarantin dan atau isolasi kendiri di hotel sekitar PMKu. Program ini turut dibuka kepada semua warga PMKu yang berminat. Sesi ceramah disampaikan oleh Ustaz Saidi bin Muda, pensyarah Jabatan Pengajian Am PMKu.</p>	
<b>19 Mac 2021</b>	<b>Jumaat Barakah</b> <p>Pimpinan bacaan Yassin terakhir sebelum Ustaz Wan Mohd Sabri bin Wan Mahmood bertukar ke Politeknik Hulu Terengganu. Walaupun majlis dilaksanakan secara atas talian, ikatan ukhwah tetap erat terasa. Terima kasih Ustaz Wan Mohd Sabri. Selamat jalan dan semoga maju jaya.</p>	

25  
Mac  
2021

### Site Visit Pusat Penyelidikan UKM Tasik Chini – Semarakkan Pelancongan Domestik

Puat Penyelidikan UKM

Situasi pandemik bukanlah penghalang untuk meneruskan aktiviti pelancongan tetapi boleh menambah potensi pertumbuhan pelancongan setempat. Begitu juga dengan pendedahan pelajar dalam bidang pelancongan. Terima kasih kepada pihak pengurusan Pusat Penyelidikan UKM Tasik Chini, Cik Nurul Hazwani yang sudi menerima kunjungan Unit Pengurusan Pelancongan PMKu. Pihak Pusat Penyelidikan turut menawarkan tempat latihan industri kepada pelajar DUP.



30  
Mac  
2021

### Anugerah Projek Mampan 2020

Memoire Suites Hotel Kuala Lumpur

Tahniah diucapkan kepada para pensyarah PMKu, Puan Sharizainor Sharina binti Mohamed Shariff, Puan Nadiatul Hanis binti Jailani, Puan Nurul Safawati binti Abd Aziz, dan Cik Lee Pui Har kerana menerima Anugerah Projek Mampan 2020. Majlis anugerah Projek Mampan 2020, anjuran SustNET di Memoire Suites Hotel Kuala Lumpur telah berlangsung pada 30 Mac 2021.



08  
April  
2021

### Kursus Amali Penyembelihan

Pusat Proses Ayam LYZ Permatang Badak



Para pelajar DHF4A telah mengikuti amali penyembelihan ayam – salah satu elemen wajib dalam silibus Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal (DHF) – bertempat di Pusat Proses Ayam LYZ Permatang Badak.

13  
April  
2021

### Program Ihya Ramadhan: Tadarus Al-Quran

PMKu



Program Ihya Ramadhan slot Tadarus Al-Quran berlangsung sepanjang bulan Ramadhan di bilik kuliah dan terbuka kepada semua warga PMKu. Hari pertama Ramadhan ini merupakan pembuka kepada program tadarus A-Quran ini.



15  
April  
2021

### Majlis Penyampaian Watikah dan Ikrar Akujanji MPP PMKu 2021/2022

PMKu

Tahniah diucapkan kepada Muhammad Arif Farhan bin Mohd Maaruf yang terpilih sebagai Yang DiPertua MPP. Tahniah juga kepada semua ahli jawatankuasa atas pemilihan sebagai MPP PMKu sesi 2021/2022. Semoga dapat memikul amanah dan meneruskan legasi kepimpinan MPP PMKu yang sering membantu isu pelajar dan mengangkat mutu pelajar PMKu ke tahap yang tinggi. Majlis Penyampaian Watikah ini disempurnakan oleh Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin.



16  
April  
2021

### Program Ihya Ramadhan: Iftar Pelajar

PMKu



Kakitangan PMKu telah bersama-sama menyumbang untuk persediaan juadah berbuka puasa kepada para pelajar. Sebanyak 100 bungkus juadah berbuka puasa telah diagihkan kepada pelajar. Semoga penyumbang dikurniakan rezeki berlipat ganda dan diberikan keberkatan atas amal yang dilakukan.

21  
April  
2021

### Kursus Outcome-Based Education (OBE)



Kursus OBE telah berlangsung menerusi atas talian google meet, manakala para peserta berada di stesen tugas masing-masing. Tahniah di atas pengajuran ini.

23  
April  
2021

### Bacaan Yassin

PMKu

Bacaan Yassin memecah kesunyian pagi di PMKu. Bermula dari konti audio sehingga ke semua aras bangunan PMKu, semua warga PMKu turut serta mengalunkan surah Yassin di stesen kerja masing-masing. Bacaan dipimpin oleh Encik Fitri Sani bin Mohd Abdul Hakim.



24 – 25  
April  
2021

### Lawatan Industri Beach Handicraft Tour

Cherating

Sesi lawatan industri telah berlangsung di Cherating melibatkan pelajar DUP bagi memenuhi keperluan kursus Tourism Malaysia semester 1. Antara lokasi tarikan yang dikunjungi bagi tujuan tersebut ialah: Natural Batik Village, Residence Inn Cherating, Pantai Cherating, Pusat Anyaman dan kraf Cherating, dan Kraf Tembusu. Semoga sesi lawatan ini dapat memberi pendedahan kepada pelajar baharu DUP tentang industri pelancongan tempatan.



26  
April  
2021

### Kajian Lapangan Pelajar DUP – Community Based Tourism

Homestay Desa Sri Murni



Kumpulan pelajar DUP semester 5 telah mengunjungi Homestay Desa Sri Murni, Temerloh. Kunjungan mereka adalah untuk mengadakan kajian lapangan tentang operasi pengurusan homestay bagi kursus Community Based Tourism



26  
April  
2021

### Jualan Hasil Projek Inkubator Perniagaan Ikan Keli

PMKu

Program keusahawanan – Perniagaan Ikan Keli telah membuatkan hasil apabila ikan keli yang segar dan sedia untuk dijual ditawarkan di PMKu. Jualan ikan keli segar ini berlangsung di aras 6 (rooftop) dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Program ini merupakan seliaan pensyarah



merangkap  
Penyelaras  
Keusahawanan  
PMKu, Encik  
Fitri bin Mohd  
Abdul Hakim.

26  
April  
2021

### Khidmat Bakti Ramadhan: MPP PMKu

PMKu



Puasa bukanlah alasan untuk berehat sahaja. Justeru, pihak MPP PMKu telah meluangkan masa untuk memberi khidmat bakti dengan mengelat surai yang baharu siap dibina di aras 6 bangunan PMKu.

Semoga usaha mereka dapat memberikan suasana yang tenang dalam beribadah di surau tersebut. Tahniah dan terima kasih, MPP PMKu.

30  
April  
2021

### Alumni Sharing Session: Career Expectation vs Reality



Satu sesi perkongsian ilmu telah diadakan di bawah anjuran Unit CISEC dan Penasihat Akademik. Terima kasih diucapkan kepada Cik Nor Farah Hidayah binti Mohd Fadzilah, alumni DHF PMKu yang kini merupakan pemilik FH Café di atas perkongsian ilmu dan pengalaman kepada para pelajar PMKu.

30  
April  
2021

### Penyampaian Sumbangan Ramadhan kepada Kakitangan Keselamatan dan Kebersihan PMKu PMKu

Pihak PMKu telah menyampaikan sedikit sumbangan Ramadhan kepada kakitangan kebersihan dan keselamatan bagi menghargai jasa mereka. Semoga perkongsian rezeki ini dapat menyuburkan lagi amalan saling membantu bukan sahaja di bulan Ramadhan tetapi pada masa lain juga.



30  
April  
2021

### Program Ihya Ramadhan: Iftar Pelajar

PMKu

Sebanyak 125 bungkus makanan berbuka puasa telah diedarkan kepada pelajar PMKu. Pihak MPP PMKu turut sama dalam usaha membuat edaran kepada para pelajar. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam program ini terutama kepada para penyumbang yang bermurah hati.



05  
Mei  
2021

### Kursus Penyediaan Laksa Penang 2021

PMKu



Program ini adalah dibawah kelolaan Unit Hal Ehwal Pelajar dan telah dibantu oleh kakitangan PMKu serta wakil MPP PMKu dengan jayanya. Program ini dijalankan pada waktu pagi bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang di Dapur Masakan PMKu. Objektif utama bagi program ini ialah untuk menyalurkan



06  
Mei  
2021

### Kongsi Rezeki Ramadhan

PMKu



PMKu menzahirkan kesyukuran tidak terhingga di atas kesudian pihak Restoran Nasi Ulam D'pondok dan Kafe D'Pondok . Sebanyak 150 bungkus makanan untuk berbuka puasa telah diedarkan kepada pelajar PMKU. Pihak MPP PMKu turut sama-sama membantu mengedarkan sumbangan makanan ini kepada pelajar. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pemilik restoran, Encik Abd Majid Abd Wahid di atas sumbangan yang diberikan.



27  
Mei  
2021

### Kursus Membina eBook



Telah berlangsung Kursus Membina eBook yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pensyarah tentang kaedah penulisan dan perisian yang sesuai untuk membangunkan e-buku. Selain itu, ia juga akan meningkatkan kompetensi pensyarah dalam menghasilkan e-buku memandangkan ia telah menjadi salah satu Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang perlu dipenuhi. Kursus yang dilaksanakan secara dalam talian ini dikelolakan oleh IQP Solutions yang diwakili oleh Coach Zul. Kursus yang berlangsung di platform Zoom dihadiri oleh 30 orang peserta terdiri daripada staf akademik dan sokongan PMKU.



28  
Mei  
2021

### Hari Bersama MPP PMKu

Google Meet



Hari Bersama MPP telah diadakan secara atas talian menerusi platform Google Meet. Program ini melibatkan para pensyarah di bahagian Unit Pembangunan Pelajar, ahli MPP PMKu dan wakil di setiap kelas. Para pelajar diberi ruang dan peluang untuk menyuarakan pendapat dan pandangan tentang isu-isu berkaitan sepanjang berada di PMKu. Selain itu, program ini juga mampu merapatkan ukhwah antara peserta yang terlibat.



02  
Jun  
2021

### Kursus Penghasilan VLog

Pelajar Kursus MPU24021 Kelab Komputer telah mengadakan Kursus Penghasilan Vlog menerusi platform Google Meet pada jam 2 sehingga 4 petang. Penyertaan adalah terbuka dan kursus ini dijalankan dengan seliaan pensyarah kursus, Puan Hafizah binti Ismail.



Google Meet

05  
Jun  
2021

### Ceramah Anti Dadah



Google Meet

disampaikan oleh Encik Maswadi bin Mustafa, pegawai AADK Daerah Kuantan. Sesi ceramah selama 1jam 30 minit ini telah disertai oleh semua pelajar semester 1.

09  
Jun  
2021

### Program Hari Kebudayaan Cina PMKu

YouTube  
LIVE



Kelab Bahasa Mandarin PMKu dengan kerjasama Persatuan Persahabatan Huaxia Malaysia telah mengadakan Hari Kebudayaan Cina PMKu secara atas talian Tahun 2021.

10  
Jun  
2021

### Program Bantuan Makanan PMKu Prihatin kepada Pelajar PMKu

Sekitar rumah sewa dan asrama koperasi pelajar PMKu

Unit Kebajikan Hal Ehwal Pelajar PMKu dengan kerjasama pasukan COVID-19 PMKu dan MPP PMKu telah menyurorkan bantuan makanan kepada pelajar PMKu yang berada di rumah sewa sekitar bandar Kuantan. Seramai 85 pelajar terlibat yang menerima bantuan tersebut.




11  
Jun  
2021

### Chezz Night

Google Meet

Telah berlangsung Chezz Night Pada 11 Jun 2021 (Jumaat), yang berlangsung pada 8.00 - 10.30 malam. Seramai 35 orang pelajar telah menyertai. Tahniah juga kepada 3 pemenang kuiz yang telah diadakan.



14  
Jun  
2021

### Kempen Yakin Vaksin COVID-19

Zoom

Hampir 70 peserta yang terdiri daripada orang awam, guru-guru SK Padang Garuda, pelajar IPT termasuk PMKu, UiTM Shah Alam, dan KUIS telah menghadiri program anjuran pelajar DUP4A bagi kursus DTM40134 Event Operation and Management. Kempen Yakin Vaksin COVID-19 menampilkan panel jemputan tersohor yang berkongsi maklumat dan informasi berguna bagi meyakinkan peserta tentang keperluan vaksin. Terima kasih diucapkan kepada, Dr Suhazeli bin Abdullah, pakar kesihatan keluarga, Klinik Kesihatan Tengkawang; Encik Mohd Dziehan Mustapha, Ketua Unit Teknikal dan Kualiti, Bahagian Farmasi PKD Klang; dan Cik Lailatul Husna binti Asnan, pelajar Jurusan Kejuruteraan Kimia, Universiti Sungkyunwan, Korea Selatan. Semoga perkongsian ini memberi manfaat besar kepada peserta dan membuka mata tentang maklumat dan isu vaksin terutama dalam mendeplani pandemic COVID-19 ini.



15  
Jun  
2021

### eKursus Penghasilan Kek dan Kek Dekorasi

Para pelajar kursus *DTH20104 Baking and Pastry* bertuah menerima tunjuk ajar dan bimbingan dalam penghasilan kek dan kek dekorasi oleh Chef Abrar. Terima kasih, Chef.




Google Meet

16  
Jun  
2021

### Implementation of Halal Practice in Hospital Kitchen

Telah berlangsung dengan jayanya Program Pelawat Industri (PPI) bagi kursus *DTF10093 Introduction to Halal Foodservice Industry*. Program ini menerangkan tentang perlaksanaan amalan halal di dapur hospital dan melibatkan pelajar DHF semester 1 serta pensyarah PMKu. Sesi perkongsian yang sangat menarik dan bermanfaat. Diharapkan semua yang terlibat mendapat informasi yang berguna dan terus bersemangat meneruskan pengajian di PMKu.



Google Meet

16  
Jun  
2021

### So, You Want To Be A Tourist Guide?

PMKu dan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti PMS telah berkolaborasi bagi menjayakan webinar yang melibatkan tetamu jemputan, Tuan Haji Shaukani Abbas, Pemandu Pelancong Bebas, Encik Shah Amirudin Idris, Setiausaha Agung ATTIM) (*Association of Tourism Training Institute of Malaysia*) dan Cik Nurfarahin binti Mohamad Fadzili, Pemandu Pelancong Bebas/ Alumni Politeknik dan Kolej Komuniti. Penyertaan adalah terbuka dan telah menarik lebih 169 penyertaan daripada pelajar dan orang awam.



zoom

17 – 18  
Jun  
2021

### eSport Tournament Mobile Legend

Google Meet

Sebanyak 8 kumpulan melibatkan 40 peserta yang terdiri daripada komuniti dan pelajar PMKu telah menyertai e-Sport Tournament *Mobile Legend* anjuran pelajar DUP4A bagi Kursus *DTM40134 Event Operation and Management* di bawah kendalian Puan Effa Izzati binti Mahmun. Program ini telah berlangsung selama 2 hari dan dijalankan untuk mempromosikan eSport selaras dengan keperluan situasi semasa yang menghalang aktiviti riadah dan program secara bersemuka. Program ini juga dapat membina pemikiran secara kritis dalam mengatur corak permainan. Tahniah urusetia, kumpulan The 11<sup>th</sup> Co DUP4A di atas penganjuran acara yang menarik. Semoga CLO kursus DTM40134 ini tercapai dengan cemerlang.




18  
Jun  
2021

### Virtual Eid PMKu 2021

zoom

Seramai 62 orang peserta yang terdiri daripada staf dan pelajar PMKu yang berada di seluruh pelusuk negeri telah menghadiri program Virtual Eid PMKu 2021 anjuran pelajar DUP4B bagi memenuhi keperluan Kursus DTM40134 Event Operation and Management yang berlangsung bermula jam 8 pagi sehingga 12 tengahari. Program sambutan Aidilfitri ini diadakan buat julung kali secara virtual di Platform Zoom Meeting dan juga FB Live. Walaupun tidak dapat berkumpul secara bersemuka, kemeriahan sambutan hari raya masih dapat dirasai melalui aktiviti yang disediakan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pertandingan OOTD raya, hijab raya paling kreatif, nyanyian lagu raya, meneka nama kuih raya, meneka bilangan kuih raya, pantun, meneka lagu raya dan merekabentuk e-kad raya.



20  
Jun  
2021

### Bantuan Agihan Makanan 2.0



Sekitar rumah sewa dan asrama koperasi pelajar PMKu

PMKu telah mengadakan program agihan bantuan makanan kepada semua pelajar yang berada di rumah sewa dan asrama koperasi PMKu. Program ini melibatkan ahli MPP PMKu dengan seliaan penasihat MPP PMKu. Program ini diadakan untuk membantu pelajar di sekitar kampus di samping mengambil berat keadaan mereka yang berjauhan dengan keluarga dengan situasi COVID-19 semasa pada masa itu.

23  
Jun  
2021

### Sembang Santai – Virtual Event: Cabaran Norma Baharu

LIVE



28  
Jun  
2021

### Kursus PPK Microsoft Word Specialist (MOS) Word 2016



Microsoft Teams




Kursus PPK Microsoft Word Specialist (MOS) Word 2016 telah berlangsung pada 28 Jun sehingga 2 Julai 2021 yang dianjurkan oleh BKPK dan PMKu. Terima kasih diucapkan kepada team trainer daripada PSAS, Puan Norazlinda Mohamed, Puan Nor Adila Ahmad dan Puan Roziela Mohamad Sharib. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada penyelaras ULPL PMKu, Puan Tan Kang Yee.

28  
Jun  
2021

### Sesi Kunjung Hormat MPP Politeknik Kebangsaan 2021

Google Meet



Telah berlangsung Program Sukses, Matang, Aktif, Rational & Tanggungjawab (SMART) secara atas talian anjuran Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Kuantan dan disertai oleh pelajar PMKu.

24 – 31  
Ogos  
2021

### Program Minggu Kemerdekaan 2021

Google Meet

Pada 24 Ogos 2021 hingga 31 Ogos 2021 telah berlangsungnya program minggu kemerdekaan yang telah dianjurkan oleh MPP PMKu. Antara program yang telah dianjurkan oleh MPP PMKu adalah Live Kemerdekaan secara atas talian di IG, Kuiz Kemerdekaan, OOTD Merdeka Day, Movie Kemerdekaan Day, program Nyanyian dan Poster Merdeka. Akhir Program Ambang Kemerdekaan merupakan penutup program minggu kemerdekaan. Antara tujuan program minggu kemerdekaan ini diadakan supaya dapat menerapkan lagi sikap patriotisme dalam diri para siswa dan siswi serta warga PMKU. Seterusnya, dapat juga mengeratkan lagi hubungan antara MPP PMKu dengan pelajar dan warga PMKu. Penglibatan para siswa dan siswi serta warga PMKU dalam program-program yang telah diadakan ini telah menunjukkan nilai semangat patriotisme tidak pudar walau didalam keadaan norma baharu.



03  
September  
2021

### MAJLIS PERPISAHAN



PMKu merakamkan jutaan terima kasih atas segala khidmat, jasa dan bakti yang telah ditaburkan oleh 2 orang pensyarah yang berpindah ke tempat baharu iaitu Puan Tan Kang Yee, Pegawai Latihan dan pendidikan Lanjutan yang berpindah ke POLISAS serta Ustaz Saidi bin Muda (Pensyarah Unit Pengajian Am) yang berpindah ke Politeknik Hulu Terengganu. Majlis perpisahan ringkas secara atas talian telah berjaya dilangsungkan untuk meraikan mereka. Semoga kedua-dua pensyarah ini akan terus maju jaya di tempat baharu.

21

September  
2021**Sesi Induksi Program Penjana KPT-CAP**

Google Meet



Telah berlangsung sesi induksi Program PENJANA KPT-CAP bagi kursus SIRIM: *Certified Food Safety Management Executive* secara atas talian melibatkan 20 orang peserta dari kalangan graduan politeknik. Program ini akan berlangsung selama 10 hari bermula daripada 22 September - 2 Oktober 2021. Diharapkan semua peserta dapat memanfaatkan segala ilmu sepanjang kursus ini.

21

September  
2021**Minggu Suai Kenal (MSK) Pelajar Baharu Sesi I 2021/2022**

Google Meet



pelajar baharu PMKu beroleh ilmu yang bermanfaat.

22

September  
2021**Slot Perkongsian Bersama Panel Penilai Luar Bagi Akreditasi Pematuhan MQA04**

Microsoft Teams




Telah berlangsung sesi perkongsian Penilaian Pematuhan Akreditasi MQA04 Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) oleh Dr. Nurazwana binti Sumarjan dari Fakulti Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti, UITM Puncak Alam secara talian. Terima kasih diucapkan kepada Dr Nurazwana di atas perkongsian ilmu bersama-sama para pensyarah PMKu.

27

September  
2021**Kursus Penggunaan Microsoft Teams**

Microsoft Teams



Kursus Penggunaan MS Teams dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjut (ULPL) Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Sabak Bernam telah berlangsung secara dalam talian. Objektif utama kursus adalah memastikan pensyarah boleh menggunakan MS Teams khususnya dalam PdP dan juga kursus atau bengkel yang akan dijalankan. Kursus yang dijalankan dihadiri bersama staf PSIS dan juga PMKu.

30

September  
2021**Sesi Kunjung Hormat MPP Politeknik Kebangsaan 2021**

Google Meet



Pada 30 September 2021, Sesi Kunjung Hormat Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Kebangsaan (MPP PK) 2021 telah diadakan secara atas talian di Google Meet yang bertemakan klasik tradisional. Program ini melibatkan ahli-ahli MPP PMKu dan MPP PK. Sesi kunjung hormat ini bertujuan untuk memberikan pendapat antara MPP PK dan MPP PMKu sekaligus menyelesaikan segala masalah yang berkaitan pelajar. Selain itu, program ini dapat merapatkan hubungan antara MPP PK dan MPP PMKu.

01  
Oktobre  
2021

### Majlis Perpisahan Pensyarah

Satu majlis perpisahan telah diadakan bagi meraikan 3 pensyarah yang berpindah dan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Pensyarah tersebut adalah Dr Norhaslin binti Abu Hassan yang akan berpindah atas kenaikan pangkat ke gred 52 ke Politeknik Tawau Sabah. Manakala Puan Sharizainor Sharina binti Mohamed Shariff dan Encik Nik Mohd Haikal bin Mohamed Hassan melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaysia Pahang (UMP). PMKu mengucapkan selamat maju jaya kepada para pensyarah tersebut.



Google Meet



05  
Oktobre  
2021


### Talk on the Implementation of Procurement Process in Hospital Kitchen

Google Meet



PUAN RUSHaida BINTI ZULKUPLY  
PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN HTAA

Terima kasih diucapkan kepada Puan Rusmaida binti Zulkuply, Pengawal Penyediaan Makanan HTAA yang sudi berkongsi pengalaman dan pengetahuan bersama para pelajar DHF semester 4. Para pelajar telah diberikan pendedahan tentang proses perolehan di dapur hospital bermula dari pembelian bahan mentah sehingga kepada pengurusan makanan yang telah diproses. Program ini dikendalikan oleh pensyarah, Puan Noor Syaida binti Abdul Rahman



06 – 08  
Oktobre  
2021

### Audit Pensijilan Semula ISO 21001:2018 (EOMS)

PMKu



PMKu telah di audit oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk pensijilan semula **Education Organisations Management System (EOMS) ISO 21001: 2018** bermula 6 sehingga 8 Oktober 2021.



### Tahniah PMKu!

PMKu telah berjaya memperolehi perlanjutan tempoh pensijilan semula ISO 21001 : 2018 (EOMS) oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd bagi tahun ke-4 tanpa sebarang ketakakuran (NCR) yang direkodkan. Audit selama 3 hari tersebut telah dikendalikan oleh En. Muhammad Fadhlullah bin Rahmat. Tahniah diucapkan kepada Unit Jaminan Kualiti dan seluruh warga kerja PMKu. Semoga kejayaan ini dapat dijadikan sebagai pendorong dan semangat untuk terus komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab selain mengekalkan budaya kerja berpasukan agar lebih banyak kejayaan dapat dicapai pada masa akan datang.




11  
Oktobre  
2021

### Program e-Talk Food Catering In Foodservice Operation

Google Meet

Telah berlangsung Program e-Talk Food Catering in Foodservice Operation anjuran kelas DHF 5A dalam kursus DTF40164 Commercial Foodservice Operation. Terima kasih duiucapkan kepada Tuan Haji Nor Azmin Bin Haji Nor Khalid, Pengarah Syarikat kepada Yunahis Catering selaku tetamu jemputan dalam penganjuran program tersebut .



**Perhimpunan Bulanan dan Sambutan Hari Akademia PMKu**

PMKu

Majlis Perhimpunan Bulanan PMKu merangkap Sambutan Hari Akademia, Majlis Penyerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 dan Pelancaran Buku Pelan Strategik PMKu yang telah dilaksanakan pada 13 Oktober 2021 anjuran Unit Khidmat Pengurusan PMKu. Majlis diadakan di ruang terbuka aras 6 (rooftop) PMKu dengan kaedah pelaksanaan yang mematuhi SOP COVID-19 sepenuhnya.

**Ujian Saringan COVID-19**

PMKu

Ujian saringan kendiri COVID-19 bagi pelajar DHF5A telah dijalankan di Aras 6 PMKu. Ujian dikendalikan oleh Pasukan Petugas Khas COVID-19 serta pensyarah kursus. Saringan ini dilakukan kepada semua pelajar yang akan memulakan kelas secara bersemuka.

**Kursus MS Team**


PMKu

Telah berlangsung satu lagi siri Kursus MS Team bagi meningkatkan kemahiran pensyarah dalam menggunakan Ms Team sebagai platform utama dalam PdP. Walaubagaimanapun, atas permintaan ramai pensyarah, bahagian pembelajaran digital PMKu sekali lagi menganjurkan kursus ini secara bersemuka di Makmal Komputer 4 dan 5, PMKu. Kursus ini diadakan untuk membantu pensyarah memahami cara menggunakan MS Team dengan lebih baik, selepas mengikuti kursus secara dalam talian yang lepas. Kursus diberikan oleh 2 orang penceramah jemputan iaitu En Saiful Hazman bin Mokhtar dan Puan Ernie binti Kulian@Abd Karim daripada Jabatan Kejuruteraan Awam, POLISAS.

**Talk on the Implementation of Procurement Process in Food and Beverage Industry**

Google Meet

Satu sesi bual bicara telah diadakan secara atas talian selama 2 jam bermula jam 9.00 pagi sehingga 11.00 pagi. Program seliaan pensyarah, Puan Noor Syaida binti Abdul Rahman ini melibatkan para pelajar DHF semester 4. Program ini memanfaatkan pelajar dalam mendalami pengetahuan berkaitan topik *Implementation of Procurement Process in F&B Industry*. Terima kasih diucapkan kepada Encik Azman bin Alias yang sudi berkongsi ilmu bersama para pelajar dan ia telah memberi gambaran yang jelas tentang *procurement* dalam industri makanan.

**e-Talk Program French Pastries**

Google Meet



*E-Talk Program French Pastries* by Puan Fara Nadia dari Berjaya University College, Kuala Lumpur. Program anjuran Penyelaras *Baking and Pastry* PMKu ini disertai oleh pelajar semester 3 DHF.



22  
Oktober  
2021

### Taklimat Pematuhan SOP dan Langkah Pencegahan Penularan Wabak COVID-19

PMKu

Telah berlangsung sesi taklimat berkenaan pematuhan SOP dan langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 bersama pelajar PMKu. Sesi ini diadakan supaya semua pelajar jelas dengan SOP yang telah waktarkan agar dapat bersama-sama membendung penularan wabak COVID-19 di dalam premis PMKu. Taklimat disampaikan oleh Ketua Jabatan Sokongan Akademik, Puan Adilen @ Lucia binti Suil. Terima kasih diucapkan kepada semua Penasihat Akademik (PA) yang turut serta dalam menjayakan sesi taklimat pada pagi ini.




22  
Oktober  
2021

### Career Talk: Take The Leap – From Good To Great

Google Meet



Program Career Talk "Take The Leap: From Good To Great" anjuran Penasihat Akademik dan Unit CISEC PMKu. Program secara dalam talian ini disertai oleh pelajar DHF dan DUP semester 5. Terima kasih kepada penceramah jemputan, Encik Mohd Sakeri bin Mohd Yunus dari ANHU Solution Sdn Bhd.



22  
Oktober  
2021

### Program Suntikan Typhoid

PMKu

Program Suntikan Typhoid bagi pelajar semester 2 DHF bagi sesi 1 2021/2022 dengan kerjasama pasukan dari Klinik Awfa.



27  
Oktober  
2021

### Bengkel Asas Tarranum

Zoom



Telah berlangsung dengan jayanya Bengkel Asas Tarranum yang dikendalikan oleh pelajar semester 1 bagi penilaian Mini projek kursus Ko-kurikulum Kelab Tarannum. Pihak urusetia bertuah kerana bengkel kali ini disampaikan oleh penceramah hebat dalam bidang Al-Quran iaitu Ustazah Siti Aisyah binti Baa'in (Pengasas Azdan Quranic Centre) melalui platform ZOOM. Penyertaan untuk program ini adalah secara percuma kepada semua warga PMKu serta terbuka kepada orang awam. Bengkel berjalan lancar dikendalikan oleh moderator berbakat iaitu saudara Muhammad Nasrul Nafis bin Mohd Nasir dari kelas DUP1A. Semoga pengisian bengkel dapat memberi manfaat semaksima mungkin kepada peserta yang hadir. Tahniah kepada semua pelajar terlibat selaku jawatankuasa pelaksana bengkel yang diketuai oleh pengarah program saudara Muhammad Aiman Thaqif bin Asmawi dari kelas DHF1A.

27  
Oktober  
2021

### Pertandingan Scrabble "Spell It Out"

Google Meet



Pelajar Kursus MPU24011 Sukan- Scrabble telah mengadakan pertandingan Scrabble "Spell it out" yang disertai oleh 24 orang peserta luar.



Pemenang dipilih berdasarkan mata yang diperoleh. Tahniah kepada pemenang. Tahniah juga kepada seluruh ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan pertandingan ini.

27  
Oktobre  
2021

### Kursus Sembelihan

Berlangsung Kursus Sembelihan secara dalam talian bersama Ustaz Haizad bin Hamad dari Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP). Kursus ini diadakan khas untuk pelajar DHF 3A dan 3B sebagai memenuhi keperluan kursus DTF30143 Best Practice for Halal Food Production.



Google Meet

27  
Oktobre  
2021

### Introduction To Malaysia Halal Management System



Google Meet


Telah berlangsung dengan jayanya Program Pensyarah Pelawat Industri (PPI): Program Introduction to Malaysia Halal Management System (MHMS) yang melibatkan pelajar DHF semester 5. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penceramah jemputan Puan Sazilarahimi Binti Sepawi dari Jabatan Agama Islam Pahang yang sudi berkongsi informasi dan pengalaman bersama peserta program. Semoga semua peserta mendapat manfaat dari program ini sekaligus dapat menyumbang kepada pembangunan industri halal di Malaysia.

28  
Oktobre  
2021

### Webinar Pembangunan Pakej Pelancongan

Google Meet

Program yang dikendalikan oleh pensyarah, Puan Nurhidayah binti Hilimi ini telah memberi pendedahan yang baik kepada pelajar bagi meningkatkan kompetensi pelajar bagi memenuhi kehendak industri. Selain itu, program ini mampu menjana minda para pelajar melalui penyusunan aktiviti yang telah disediakan sekaligus mencapai kehendak dan objektif kursus pembangunan pakej pelancongan. Terima kasih kepada penceramah, Puan Shazlin binti Ahmad, MyVXp Trainer daripada Malaysia Productivity Corporation (MPC/Tourism Productivity Nexus (TPN) di atas perkongsian ilmu kepada para pelajar PMKu yang mengikuti kursus DTM30233 Travel and Tour Operation



28  
Oktobre  
2021

### Mesyuarat Perancangan Strategik PMKu dan PMTG

PMTG

Delegasi PMKu seramai 10 orang diketuai oleh Timbalan Pengarah, Encik Ahmad Tajudin bin Mustaffa disambut oleh Pengarah PMTG, Ts. Kahirul Anuar Ishak, Timbalan Pengarah PMTG, Ts. Siti Salamat Mustaffa serta pengurusan dan pentadbiran PMTG. Pegawai PMKu dibawa melawat kemudahan serta jabatan dan unit di PMTG sebelum ke Bilik Mesyuarat untuk sesi taklimat dan perbincangan. Pelbagai perkara dibincangkan terutama perkongsian berkaitan tatacara pengurusan di institusi masing-masing bagi penyelarasan dan penambahbaikan dalam memastikan sistem penyampaian di institusi menepati keperluan dan kehendak semasa. Terima kasih kepada pihak PMTG kerana sudi menerima kehadiran delegasi PMKu dan sudi berkongsi ilmu. Semoga bertemu lagi di masa hadapan.



29  
Oktobre  
2021

### Amali Penyembelihan

Permatang Badak



Amali penyembelihan bagi kelas DHF3A dan 3B di bawah kendalian Puan Haslina binti Ahmad Muzakir dan Encik Ahmad Rasa'Arim bin Razzali telah berlangsung sebagai salah satu modul pembelajaran bagi program DHF. Turut mengiringi pelajar adalah Encik Hasni bin Hassan dan Puan Suraini binti Ripin.

08  
November  
2021

### Ujian Saringan Kendiri COVID-19 Pelajar Fasa 2

PMKu

Ujian saringan kendiri COVID-19 bagi pelajar fasa 2 yang kembali ke kampus dan akan meneruskan sesi pengajian secara bersemuka di PMKu bermula. Sesi pertama melibatkan pelajar DHF1A, DUP1A, DUP1B, DUP2 dan DUP5B. Ujian saringan ini dikendalikan oleh Pasukan Petugas Khas COVID-19 PMKu serta pensyarah merangkap penasihat akademik pelajar.



08 – 11  
November  
2021

### Program Ekspedisi Pelancongan Dan Rekreasi Marin dan Program Start In Tioman XII

Pulau Tioman



Program yang disertai oleh pelajar DUP Semester 3 dan 4 ini dikendalikan oleh pensyarah kursus *DTO30064 Marine Recreational Tourism*, Encik Muhamad Asyraf bin Rosli dan Cik Zarina binti Mokhtaruddin, serta *DTM40144 Tourism Expedition*, Puan Farizah binti Mohamad. Program ini dilaksanakan bagi membuat penilaian bagi tugas pelajar bagi memenuhi keperluan kursus-kursus tersebut. Peserta turut bertuah kerana telah dijemput untuk menyertai program Start in Tioman XII anjuran MOTAC Pahang dan Tourism Pahang. Program ini berjalan lancar dengan bantuan Pensyarah Pelawat Industri (PPI), Encik Syed Rizalman bin Syed Abu Bakar, Pengarah Villager Travel and Tours Sdn Bhd.




09  
November  
2021

### Lawatan Kerja dan Penandaarsaran Pembangunan Unit Sokongan

PMKu



PMKu menerima kunjungan delegasi Politeknik Muadzam Shah (PMS) sempena lawatan kerja dan penanda aras unit sokongan PMKu. Seramai 9 orang pegawai PMS yang diketuai oleh Ts. Mohd Isa bin Abdul Rahim, Ketua Unit



Pembangunan dan Penyelenggaraan PMS. Ketibaan mereka di sambut mesra oleh Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin seterusnya turut serta di dalam sesi perbincangan di Bilik Mesyuarat PMKu sebelum memulakan sesi lawatan.

18 – 20  
November  
2021

### Lawatan Akademik: *Fun Nature Escape*

Genting Hingland dan Janda Baik

2021

Seramai 18 orang pelajar DUP semester 3 telah menyertai lawatan akademik ke Genting Highlands dan Janda Baik. Lawatan ini diadakan bagi memenuhi keperluan ujian praktikal bagi Kursus *DTM30233 Travel and Tour Operation* dan *DTM30114 Tourist Guiding Technique*. Aktiviti komentar diuji secara berpasangan di beberapa destinasi iaitu SkyAwana Cable Car, Tokong Chin Swee, Zombie Outbreak, SkySymphony, SkyTropolis, Genting Highland Premium Outlets, Black Pearl Adventure (ATV), Kuala Gandah Elephant



Sanctuary, Deerland dan Titik Tengah Semenanjang Malaysia di Temerloh. Program ini dinilai dan diiring oleh pensyarah, Puan Nurhidayah binti Hilimi dan Cik Surayahanim binti Ali.

19  
November  
2021

### Taklimat SOP COVID-19 Fasa 2

PMKu



Satu sesi taklimat SOP COVID-19 kepada pelajar yang baru balik dan memasuki kampus PMKu fasa 2. Taklimat ini merupakan inisiatif dan gerak kerja team COVID PMKu yang bertungkus lulus dalam memastikan semua maklumat sampai kepada pelajar. Selain itu juga, taklimat ini diadakan bagi menegaskan tentang kepentingan pematuhan SOP di premis PMKu dan sebarang pelanggaran SOP akan dikenakan tindakan.



19  
November  
2021

### Seminar Pelancongan Lestari Bersama Persatuan Pencinta Alam

Google Meet



Program ini merupakan aktiviti PdP yang dianjurkan oleh pelajar DUP5A bagi Kursus *DTM50183 Sustainable Tourism* oleh pensyarah, Puan Farizah binti Mohamad. Aktiviti ini melibatkan pencapaian semua hasil pembelajaran dalam kursus, terutamanya dalam mencapai kompetensi pelajar dalam meneroka kerjaya dalam sektor hospitaliti dan pelancongan. Pelaksanaan program ini boleh membantu pelajar untuk menghubungkait konsep Pelancongan Lestari berdasarkan pengalaman dari penceramah luar serta melatih pelajar membuat perancangan projek pembangunan pelancongan lestari. Terima kasih diucapkan kepada Puan Noor Jehan binti Abu Bakar, Pengurus Persatuan Pencinta Alam Pahang kerana sudi meluangkan masa untuk berkongsi ilmu.

20  
November  
2021

### Program Jelajah Kasih MPP PMKu

Sekitar rumah sewa dan asrama koperasi pelajar PMKu



Program ini melibatkan penasihat MPP, Encik Muhamad Asyraf bin Rosli bersama beberapa ahli MPP PMKu serta wakil pelajar. Program ini dilaksanakan untuk merapatkan silaturahim antara pelajar dan MPP selain MPP menjalankan peranan dengan cakna tentang masalah pelajar dan memberi bantuan yang sesuai kepada para pelajar yang memerlukan.



22  
November  
2021

### Lawatan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh DHF

Microsoft Teams



Akreditasi pematuhan MQA04 bagi DHF telah dikendalikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr Alina Binti Abdul Rahim selaku panel penilai bersama pegawai MQA, Pn. Suhana Binti Ramli. Tahniah kepada semua ahli jawatankuasa terlibat yang bertungkus-lumus memastikan kelancaran proses audit ini serta semua pegawai dan kakitangan PMKu yang terlibat dalam audit ini.



26  
November  
2021

### Pengurusan Masa Vs. Pengurusan Fokus

Microsoft Teams



Slot perkongsian pengurusan masa atau pengurusan fokus disampaikan oleh Puan Suraini binti Ripin, pensyarah yang menjalankan tugas sebagai penyelaras psikologi PMKu. Perkongsian beliau amat bermotivasi dan turut menggalakkan para pelajar yang hadir agar membina zaman remaja yang kuat jiwa, dan fizikal.



27 - 28  
November  
2021

### Program Kelestarian Pelancongan

Pusat Penyelidikan UKM Tasik Chini



Seramai 44 orang pelajar semester 5 DUP telah menyertai Program Kelestarian Pelancongan ke Pusat Penyelidikan UKM Tasik Chini, Pahang. Program ini diadakan bagi memenuhi penilaian projek (lawatan) sebanyak 20% dan ujian praktikal 40% yang akan di nilai bagi kursus DTM50183 Sustainable Tourism. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Lawatan ke Kampung Orang Asli di Kampung Chendahan, meredah denai dan membuat baja kompos sebagai kaedah pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar bagi menyokong kelestarian alam. Program ini dikendalikan oleh pensyarah, Puan Nurhidayah binti Hilimi dan Puan Farizah binti Mohamad.

29 November  
- 01 Disember  
2021

### Ujian Pra Kelayakan World Competition Shanghai 2022

Taylor's University Lakeside Campus



Pelajar PMKu, Nur Shahirah binti Ahmad pelajar DHF5B merupakan antara 7 pelajar teratas yang terpilih bagi menjalani Ujian Pra Kelayakan Amali daripada 25 calon peserta Worldskills Competition Shanghai 2022. PMKu merupakan satu-satunya Politeknik Malaysia yang



terpilih dalam ujian pra kelayakan ini bagi kategori Bakery dan bersaing dengan Taylor College, IKBN Pertak dan IKBN Alor Gajah. Tahniah kepada usaha dan tunjuk ajar oleh pensyarah yang turut mengiringi pelajar, Puan Rofidza binti Ramli. Semoga PMKu akan terus cemerlang bagi pertandingan-pertandingan akan datang.

02 - 05

Disember

2021

### Kursus Asas Rekreasi Luar Tahap 1

Kompleks Rakan Muda dan Sukan Air Rompin

Kursus asas rekreasi luar untuk pelajar ini diadakan adalah bagi memenuhi keperluan *Outcome Based Education (OBE)* yang mementingkan pencapaian kompetensi pelajar dari segi kompetensi rekreasi luar sebagai memenuhi keperluan industri pelancongan. Pengajuran kursus ini akan melibatkan kerjasama dari pihak *Health and Fitness Adventure* yang bertindak sebagai jurulatih dan penyelia kursus yang disertai oleh pelajar DUP2 sebagai memenuhi syarat Kursus Rekreasi Pelancongan Terrestrial (DTO20044). Seramai 12 pelajar DUP2 menyertai program ini. Pensyarah, Encik Muhamad Asyraf bin Rosli dan Cik Zarina binti Mokhtaruddin telah mengiring dan memantau pelajar sepanjang aktiviti.



03

Disember

2021

### Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil

PMKu



Majlis bacaan Yassin dan tahlil kali ini melibatkan penyertaan pelajar DHF1A dan DHF1B. Program ini berlangsung di aras 6 (rooftop) PMKu dan dipimpin oleh pensyarah PMKu, Encik Fitri Sani bin Mohd Abdul Hakim.



08

Disember

2021

### Program Gotong-royong

Laluan jalan kaki pelajar ke PMKu



Kelab Mesra Alam PMKu menganjurkan program gotong-royong membersihkan kawasan laluan pelajar ulang alik daripada rumah sewa ke PMKu. Program yang disertai oleh para pelajar dan kakitangan PMKu ini telah membersihkan semak samun dan mampu memberikan keselesaan dan meningkatkan keselamatan para pelajar yang melalui kawasan ini.



10

Disember

2021

### Program Ceramah Kesihatan Mental Pasca COVID-19 dan Keusahawanan

PMKu



MPP PMKu bersama Unit Keusahawanan dan Jabatan Akademik telah menganjurkan program e-usahawan digital dan ceramah kesihatan mental pasca COVID-19 yang menyasarkan penyertaan para pelajar semester 1. Taklimat dan perkongsian ilmu berkaitan e-Usahawan digital telah disampaikan oleh pensyarah Jabatan Perdagangan POLISAS, Puan Suriati binti Ahmad. Ceramah kesihatan Mental Pasca COVID-19 pula telah disampaikan Dr Chee Jiunn Heng, Pakar Psikiatri HTAA.

15

Disember

2021

### Customer Service for Tourism and Hospitality

Student Walk PMKu

Pelajar DHF2B telah membuka gerai jualan dan membuat jualan makanan dan minuman bagi mempraktik pengetahuan yang dipelajari di dalam kelas DTM10203 Customer Service for Tourism and Hospitality yang dikendalikan oleh pensyarah, Puan Nurullia Natasha binti Jamal. Di samping memupuk kerjasama kumpulan, pelajar dapat menimba pengalaman berhadapan dengan pelanggan secara bersemuka dan mengendalikannya secara profesional.



Disember  
2021**Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil**

PMKu

Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil melibatkan pelajar DHF1A, DHF1B & DUP2 telah diadakan bertempat di Bilik Kuliah 1 PMKu. Program yang diadakan pada setiap pagi Jumaat ini merupakan inisiatif bahagian kerohanian, Unit Pembangunan Pelajar bersama bahagian penasihatkan akademik, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.

Disember  
2021**Kejohanan Badminton Tertutup PMKu 2021**

Semambu



Kejohanan badminton tertutup anjuran MPP PMKu telah berlangsung bermula pada jam 9.00 pagi sehingga 12.30 tengahari di gelanggang badminton Semambu. Program ini memberi peluang kepada kakitangan dan para pelajar PMKu untuk mengasah bakat dalam sukan badminton di samping memberi pendedahan kepada ahli MPP yang terlibat tentang pengurusan pertandingan atau acara.

Disember  
2021**TGT Trip Phase I**

Sekitar Kuantan

Seramai 61 orang pelajar DUP semester 3 dan 5 telah menjalani penilaian praktikal bagi memenuhi keperluan kursus *DTM30114 Tourist Guiding Technique* yang diiring dan dinilai oleh pensyarah, Puan Anis Shabirah binti Md Isa, Puan Effa Izzati binti Mahmund dan Cik Surayahanim binti Ali. Para pelajar menguruskan aktiviti dan menjadi pemandu pelancong di destinasi seperti *Natural Batik Village*, Pantai Balok, *Kuantan Art Street*, *Kuantan Esplanade*, dan Masjid Negeri Sultan Haji Ahmad Shah. Komentari dilaksanakan secara individu dan para pelajar menunjukkan kebolehan dalam menyampaikan maklumat mengikut destinasi yang dikunjungi.

Disember  
2021**Webinar New Evolution Of Tourist Guiding**

Google Meet



Para pelajar menganjurkan DUP4 Webinar *New Evolution of Tourist Guiding Technique* sempena kursus *DTM40134 Event Operation and Management*. Program yang berlangsung pada jam 9 pagi sehingga 5 petang ini telah dihadiri oleh pelajar DUP3, DUP5A dan DUP5B serta beberapa pelajar lain dan komuniti berminat. Tetamu jemputan merupakan individu yang berpengalaman dalam bidang penerbitan dan penyiaran serta aktiviti rekreasi, Puan Nor Khalilah Gusti binti Hassan yang kini merupakan pengurus agensi pelancongan dan pemandu pelancong bebas. Lebih menarik lagi, penyertaan oleh penceramah yang merupakan alumni Politeknik iaitu Cik Norfarahin binti Mohd Fadzili, ketua pelancongan dan pemandu pelancong bebas yang berkongsi pengalaman dan memberi panduan kepada para pelajar pelancongan tentang satu persatu strategi untuk menjadi pemandu pelancong.



